

UEM Edgenta Perkukuh Ketahanan Q3 FY2025 , Percepat Inisiatif Pengoptimuman Kos bagi Menangani Cabaran Luaran

KUALA LUMPUR, 26 November – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), sebuah syarikat terkemuka dalam Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur, hari ini mengumumkan keputusan kewangan tidak diaudit bagi suku ketiga berakhir 30 September 2025 (Q3 FY2025). UEM Edgenta mencatatkan hasil sebanyak RM770.8 juta, sedikit lebih rendah berbanding RM793.2 juta yang direkodkan pada suku yang sama tahun lalu. Syarikat merekodkan kerugian bersih sebanyak RM92.9 juta bagi suku ini, berbanding keuntungan bersih RM10.4 juta pada Q3 FY2024. Kerugian yang dilaporkan ini terutamanya didorong oleh rosot nilai bukan tunai muhibah sekali sahaja, aset bukan semasa, serta hutang belum terima yang tertunggak.

Rosot nilai belum terima mencerminkan pendekatan terukur kami terhadap pengurusan risiko kredit, manakala rosot nilai muhibah dan aset bukan semasa dicetuskan oleh pengesahan terkini bahawa terma konsesi Perkhidmatan Sokongan Kesihatan kekal tidak berubah tanpa kenaikan yuran bagi tempoh interim. Perkembangan ini membawa kepada penilaian semula nilai bawaan aset berkaitan perniagaan konsesi tersebut. Tidak termasuk pelarasan sekali sahaja ini, keuntungan operasi asas Syarikat adalah sebanyak RM11.7 juta, sejajar dengan tahap keuntungan pengoperasian biasa yang menunjukkan keberkesanan langkah penjimatan kos dan inisiatif pengoptimuman proses dalam mengurangkan tekanan kos yang berterusan termasuk akibat penguatkuasaan kawal selia terhadap kenaikan gaji minimum baharu.

Segmen Pengurusan Aset mencatatkan hasil sebanyak RM489.1 juta bagi suku ini, sedikit lebih rendah daripada RM492.9 juta yang direkodkan pada Q3 FY2024. Walaupun segmen ini terus memperoleh kontrak baharu di pasaran antarabangsa, prestasi kewangan terjejas akibat penskrukturan semula asas dalam bahagian Penyelesaian Penjagaan Kesihatan susulan peralihan kepada persekitaran konsesi interim, serta pengecilan margin berikutan penguatkuasaan kawal selia gaji minimum baharu. Sehubungan itu, segmen ini mencatatkan kerugian bersih RM61.5 juta, mencerminkan rosot nilai bukan tunai serta peningkatan kos operasi yang melebihi mekanisme kos serah-semua (*cost-pass-through*) dalam kontrak sedia ada.

Segmen Penyelesaian Infrastruktur pula merekodkan hasil sebanyak RM279.4 juta bagi Q3 FY2025, lebih rendah daripada RM302.4 juta dalam suku yang sama tahun lalu. Penurunan ini berpunca daripada pengurangan pesanan kerja dalam bahagian Perundingan Aset. Ini mengakibatkan keuntungan bersih yang lebih rendah bagi segmen ini iaitu RM8.3 juta, selaras dengan margin yang terus tertekan akibat peningkatan kos pengoperasian.

Secara keseluruhan, bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2025 (9M FY2025), Syarikat mencatatkan hasil sebanyak RM2.15 bilion dan kerugian bersih RM99.5 juta, berbanding hasil RM2.23 bilion dan keuntungan bersih RM33.4 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu. Penurunan ini mencerminkan fasa peralihan yang sedang dilalui oleh Kumpulan, termasuk penurunan sumbangan diterjemah daripada anak syarikat luar negara serta tekanan margin ketara akibat peningkatan kos operasi merentasi segmen utama, khususnya perniagaan konsesi Penjagaan Kesihatan.

Mengulas keputusan suku ini, Shaiful Subhan, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Kami melihat prestasi suku ini sebagai penyusunan semula struktur yang perlu sementara kami mengharungi peralihan antara kitaran konsesi. Penting untuk ditegaskan bahawa meskipun kerugian dilaporkan, sebahagian besarnya berpunca daripada pelarasan sekali sahaja dan bukan tunai ke atas nilai aset dan pendedahan kredit. Pelarasan ini tidak menjejaskan kapasiti operasi atau kecairan kami. Aliran tunai operasi kami kekal positif, membolehkan kami mengekalkan pengurusan kos secara berdisiplin disokong oleh kecekapan operasi berasaskan teknologi. Asas kami tetap kukuh, diperkukuh oleh pertumbuhan pelbagai pasaran antarabangsa. Kami yakin langkah strategik yang sedang dilaksanakan hari ini akan mengimbangi cabaran ini dan mengembalikan Kumpulan kepada keuntungan mampan dalam masa terdekat.”

“Perniagaan antarabangsa kekal sebagai tulang ketahanan pendapatan kami, terutamanya di Singapura dan Taiwan, di mana kadar pembaharuan kontrak yang tinggi serta kemenangan kontrak baharu terus mengukuhkan kedudukan pasaran kami. Di Timur Tengah, kami mempercepatkan pengembangan melalui Kerjasama strategik seperti kerjasama terbaharu dengan *Land Sterling* di Arab Saudi yang membuka peluang baharu dalam pengurusan fasiliti berskala besar. Bersandarkan kepelbagaian geografi ini, kami mempertingkatkan penggunaan teknologi melalui sistem hak milik (*proprietary*) Aseto kami serta penyelesaian dipacu-IoT yang lain. Penawaran digital ini bukan sahaja penting untuk pembezaan perkhidmatan, tetapi juga bagi membolehkan penyenggaraan ramalan dan

pemantauan prestasi masa nyata yang diperlukan untuk pengoptimuman kos dan kecekapan operasi dalam keadaan semasa,” tambahnya.

Di seluruh Malaysia, Syarikat terus memberi keutamaan kepada perlindungan margin dan peningkatan kecekapan melalui pelaksanaan kontrak tempatan secara berdisiplin. Syarikat menjangkakan momentum pertumbuhan bagi Penyelesaian Infrastruktur akan terus disokong oleh kontrak yang diperoleh pada awal tahun 2025, termasuk perancangan dan kawalan pengurusan trafik di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak. Kami juga mengembangkan Penyelesaian Hartanah dan Fasiliti dalam portfolio tempatan dengan usaha mobilisasi di seluruh negara susulan pemeteraian kontrak IFM dalam sektor minyak & gas dan pembuatan. Kejayaan ini menandakan perluasan strategik jejak kami melangkaui aset komersial ke dalam persekitaran perindustrian dan korporat berbilang lokasi yang lebih kompleks.

Melalui pelaksanaan berdisiplin, keupayaan yang diperkukuh, serta jejak serantau yang pelbagai, Syarikat yakin dalam mengemudi masa depan organisasi dan meletakkan UEM Edgenta pada landasan penciptaan nilai jangka panjang yang mampan untuk semua pihak berkepentingan.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta dan perniagaannya, layari lama sesawang rasmi di <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE:EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Ali Baizuri Razali, Pengurus, Perhubungan Luar (alibaizuri@edgenta.com), Komunikasi Korporat.